

12 APR 2000

G77-Syed Hamid

SERUAN MALAYSIA KAJI SEMULA MAJLIS KESELAMATAN TERIMA SOKONGAN

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 12 April (Bernama) -- Seruan Malaysia supaya kajian semula menyeluruh dibuat terhadap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), termasuk memansuhkan kuasa veto menerima sokongan besar daripada negara-negara membangun di mesyuarat Menteri-menteri Luar Kumpulan 77 (G-77), di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mewakili Malaysia di mesyuarat itu berkata, Menteri-menteri Luar G-77 bersetuju dengan pandangan Kuala Lumpur yang Majlis Keselamatan perlu lebih demokrasi.

"Ia harus lebih telus dan membayangkan badan umum PBB," kata beliau semasa memberi taklimat kepada wartawan-wartawan Malaysia mengenai hasil mesyuarat itu yang diadakan untuk menyediakan rangka bagi sidang kemuncak pertama Selatan Kumpulan 77 (G-77) pada Rabu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak dua hari itu, yang pertama kali diadakan dalam sejarah G-77 sejak ia ditubuhkan pada 1964.

Kuasa veto itu kini dipegang oleh lima kuasa utama khususnya Britain, China, Perancis, Russia dan Amerika Syarikat yang juga anggota tetap majlis itu. Malaysia kini merupakan anggota bukan tetap majlis itu.

Beliau berkata, sementara penyusunan semula Majlis Keselamatan boleh diterima, belum ada kata sepakat dalam bentuk penyusunan semula itu.

"Tetapi mereka semua (Menteri-menteri Luar) bercakap mengenainya, termasuk Malaysia," kata Syed Hamid.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkan panjang lebar semasa dialog interaktif mengenai Peranan PBB di Abad Ke 21.

Mengenai konsep "campurtangan kemanusiaan" yang dicadangkan oleh Setiausaha Agung PBB Kofi Annan yang akan membenarkan PBB campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara, Syed hamid berkata banyak negara G-77 tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Menteri itu berkata, PBB harus berpegang kepada piagamnya dan mekanisme sedia ada dalam menangani masalah di mana-mana negara.

Mengenai G-77, beliau berkata mesyuarat itu membincangkan sokongan kewangan bagi sekretariat tetap perkumpulan itu yang kini mempunyai 133 negara anggota.

Pejabat G-77 kini dikendalikan secara ad-hoc. Ada cadangan untuk menaikkan taraf struktur kini pejabat itu ke sebuah sekretariat eksekutif kecil.

Syed Hamid berkata, Malaysia antara beberapa negara anggota yang telah menghulurkan bantuan kewangan bagi operasi G-77.

Ditanya sama ada mesyuarat itu juga membincangkan sama ada sidang kemuncak itu akan dijadikan acara tahunan, beliau berkata Menteri-menteri itu tidak mahu terikat dengan perkara seperti itu kerana kini sudahpun ada banyak mesyuarat dan persidangan setiap tahun bagi negara-negara membangun.

Mengenai satu lagi perkara, Syed Hamid berkata Malaysia akan membuka kedutaannya di Havana kelak.

Buat masa ini, Wakil Tetap Malaysia Ke PBB, Datuk Hasmy Agam ditauliahkan ke Cuba. Cuba mempunyai kedutaan di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ES PR